

LTH serah zakat lebih RM10 juta kepada LZS

Oleh SHAH NIZAM OMAR

shahnizam.omar@kosmo.com.my

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam berkenan menerima cek zakat perniagaan berjumlah RM10,129,429 daripada Lembaga Tabung Haji (LTH) bagi pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Baginda menerima cek zakat perniagaan berkenaan daripada Pengarah Urusan LTH, Datuk Ismee Ismail.

Zakat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 itu merupakan jumlah tertinggi pernah dibayar oleh LTH kepada negeri ini.

Pemberian zakat perniagaan itu adalah berdasarkan bilangan pendeposit LTH di Selangor sepanjang tahun lalu iaitu sebanyak 970,795 orang dan jumlah zakat perniagaan keseluruhan LTH di seluruh negara pula berjumlah lebih RM38 juta.

Upacara penyerahan za-

kat di Istana Bukit Kaya-nan di sini dihadiri Pengerusi LZS, Tan Sri Anwar Syed Putra Syed Putra Ja-malullail, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Adzib Mohd. Isa dan Ahli Lembaga Pemegang Ama-nah LZS, Norazharuddin Abu Talib.



SULTAN SHARAFUDDIN (tengah) menerima wang zakat perniagaan daripada LTH Selangor yang disampaikan oleh Ismee (kiri) di Shah Alam semalam.